

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8264**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat mana berhasil pendakwaan terhadap sindiket-sindiket yang terlibat dalam pemerdagangan orang secara beramai-ramai yang mana mereka ini mempunyai kepakaran serta hubungan ataupun tidak dengan pegawai-pegawai Kerajaan tertentu dalam menyediakan dokumen-dokumen palsu termasuk *passport* yang memudahkan perjalanan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sepanjang tahun 2008 hingga tahun 2015, pihak pendakwaan telah berhasil membuat satu pertuduhan dan pendakwaan terhadap sindiket yang membuat pemalsuan dokumen dan passport melibatkan Pegawai Jabatan Imigresen Malaysia. Pegawai tersebut telah dituduh di bawah Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007, yang mana jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 15 tahun dan denda kerana telah memperdagangkan seorang rakyat Myanmar di Pangkalan Haram Kertas, Kampung Gual Tok Deh, Rantau Panjang, Kelantan.**

**Pihak Pendakwaan juga secara keseluruhan telah menjalankan pendakwaan sebanyak 640 kes sejak tahun 2008 hingga 2015 atas pelbagai kesalahan di bawah ATIPSOM 2007. Selain itu, terdapat juga kes-kes yang telah dituduh di bawah Akta Passport dan Akta Imigresen 1959/63. Daripada jumlah tersebut sebanyak 129 kes telah berjaya memperoleh sabitan dan 304 kes masih belum selesai dan 50 kes telah dilepas tanpa dibebaskan (DNAA).**